

55
NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10581

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- (a) Apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kematian banduan dalam tahanan dan juga senaraikan jumlah bilangan kematian banduan dalam tahanan dari tahun 2010 sehingga ke tahun 2018; dan
- (b) Berapakah bilangan pegawai polis dan pegawai penjara yang telah didakwa atau dikenakan hukuman dan dipenjarakan kerana menyebabkan kematian banduan dalam tahanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh PDRM bagi mengatasi kematian dalam lokap adalah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* sedia ada dan mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil.11/2014 bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen-elemen berikut:
- (i) memastikan borang pengesahan penyakit / kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;
- (ii) orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit dan berisiko tinggi hendaklah diasingkan daripada tahanan lain;
- (iii) SUHAKAM dibenarkan melawat tahanan bagi menentukan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa dipatuhi;
- (iv) orang tahanan hendaklah diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "*habitual*", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak; dan

- 51
- (v) kes-kes kecemasan “akut” dibawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital berdekatan untuk rawatan segera.

Statistik kematian banduan dalam tahanan polis di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) tahun 2010 : 9 orang;
- (ii) tahun 2011 : 17 orang;
- (iii) tahun 2012 : 19 orang;
- (iv) tahun 2013 : 20 orang;
- (v) tahun 2014 : 18 orang;
- (vi) tahun 2015 : 12 orang;
- (vii) tahun 2016 : 15 orang;
- (viii) tahun 2017 : 8 orang; dan
- (ix) sehingga Februari 2018 tiada kes.

- (b) Dari tahun 2010 hingga Februari 2018, seramai 9 orang pegawai polis telah didakwa di mahkamah dan telah diambil tindakan tatatertib atas sebab kecuaian atau menyebabkan kecederaan atau kematian kepada tahanan.